

Home » Shiha persoal hak, ditegah rakam video ketika cucuk vaksin



SHIHA agak terkejut dengan tindakan petugas PPV yang menghalang dirinya membuat rakaman video ketika divaksin.

Shiha persoal hak, ditegah rakam video ketika cucuk vaksin

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI 3 Ogos 2021, 2:10 pm

PETALING JAYA – Penyanyi dan pelakon Shiha Zikir mempersoalkan adab dan tindakan petugas Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang tidak membenarkan dirinya merakam video ketika disuntik vaksin dos kedua semalam.

Berang dengan insiden yang berlaku ke atasnya, Shiha menerusi hantaran Instagram juga mengakui keliru apabila tidak dibenarkan merakamkan sebarang video sedangkan kerajaan menerusi Menteri Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin membenarkan sydah secara jelas membuat pengumuman rakaman suntikan vaksin adalah dibenarkan.

"@khairykj dah cakap dibenarkan ambil video tambahan memang niat nak galakkan orang atau pengikut untuk ambil vaksin.

"Sekurang-kurangnya beradablah sikit jika nak cakap dengan penerima dan janganlah bagi alasan yang tak masuk akal. Bukannya tak percaya dekat doktor pun," katanya.

Laman web ini akan menyimpan

Menurutnya, tiada isu yang seharusnya timbul apabila penerima merakam video kerana perkara tersebut menjadi bahan bukti kepada kedua-dua pihak sekiranya berlaku kejadian tidak diingini.

pengalaman sepanjang berada di

Pada hantaran sama, penyanyi yang gemar memuat naik video kelakar itu turut berkongsi kenyataan media MOSTI, sekali gus membuktikan tindakan merakam video ketika mendapat suntikan adalah dibenarkan.

Menjengah ruangan komen, rata-rata pengikut dan rakan selebriti menyokong kenyataan Shiha dan berpendapat tidak perlu timbul larangan mengenai rakaman video.

"Sebelum ni sumpah saya memang takut dan antivaksin, tapi selepas tengok idola saya, Kak Shiha pergi ambil vaksin sebelum ini, terus saya kemas kini MySejahtera awal bulan lepas dan alhamdulillah dah dapat dos pertama.

"Kak Shiha saya setuju, tiada masalah dan isu pun kalau nak rakam video sebab boleh didik rakyat dan orang lain untuk sama-sama ambil vaksin," tulis pengikut.

Terdahulu, Khairy yang juga Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan berkata, penerima vaksin dibenarkan merakam video suntikan masing-masing bagi mengelak keraguan berhubung isu vaksin kosong yang kerap berlaku kebelakangan ini.


Pada masa sama, petugas kesihatan di PPV turut diarahkan supaya menunjukkan picagari yang sudah diisi kandungan vaksin kepada penerima sebelum dan selepas disuntik. – K! ONLINE

BERITA SELANJUTNYA

by



**Nora Danish
relaks saja...**



**Salah satu
angka, rugi...**



**'Baru tahu
siapa hero,...**



**Matrixport -
Crypto's...**



**Dakwaan
suntikan...**



**Gadis
dibelasah...**



**Jangan ingat
boleh terlepas...**



**'Kerusi
terbang'...**



**Penoreh mati
tergantung d...**



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

Akses kandungan
digital premium
www.kosmo.com.my





POPULAR



Jennifer Aniston sanggup hilang kawan yang anti vaksin

4 Ogos 2021, 10:34 am



Pandeleta, Jun Hoong ada keupayaan

4 Ogos 2021, 10:30 am



Dengan siapa, bukan kuasa saya – Hafiz Suip

4 Ogos 2021, 10:30 am



Pengedar antara 19 ditangkap di port dadah

4 Ogos 2021, 10:28 am

Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.





BERITA BERKAITAN




Dengan siapa, bukan kuasa saya – Hafiz Suip


4 Ogos 2021, 10:30 am



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies

anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.





Jangan ingat boleh terlepas – Linda Rafar

3 Ogos 2021, 5:13 pm



Siti Nordiana saman Lan Solo, Syura lima sekawan RM2.5 juta

3 Ogos 2021, 4:40 pm



Laman web ini akan menyimpan dan menggunakan data cookies anda bagi meningkatkan pengalaman sepanjang berada di laman web kami.

PREMIUM
LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

Laman web ini akan menyimpan
dan menggunakan data cookies
anda bagi meningkatkan
pengalaman sepanjang berada di
laman web kami.